

25 SEP 2001

KERAJAAN-RANGSANGAN (LEAD 2)

KERAJAAN UMUM PAKEJ RANGSANGAN RM4.3 BLN

PUTRAJAYA, 25 Sept (Bernama) -- Kerajaan, dalam usaha menepis kemungkinan kesan negatif kelembapooan ekonomi global yang akan berlaku, telah mengumumkan satu pakej rangsangan berjumlah RM4.3 bilion berkuat kuasa serta merta.

Akibat peristiwa-peristiwa yang berlaku di dalam ekonomi global, pertumbuhan ekonomi Malaysia tahun ini dijangka sekitar 1.0 hingga 2.0 peratus, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengumumkan pada persidangan akhbar di sini hari ini.

Malaysia sebelum ini telah meramalkan pertumbuhan di antara 5.0 dan 6.0 peratus bagi 2001.

Pengumuman langkah-langkah rangsangan hari ini adalah tambahan kepada pakej rangsangan RM3 bilion yang diumumkan pada Mac tahun ini bagi pembangunan projek-projek infrastruktur seperti sekolah, kolej komuniti, universiti baru dan peruntukan RM28 bilion di dalam Belanjawan 2001 pada Oktober tahun lalu.

Dr Mahathir, yang juga Menteri Kewangan, turut mengumumkan perancangan untuk mempercepatkan pembinaan 35,000 unit rumah pangsa bagi mengatasi masalah setinggan Kuala Lumpur menjelang 2003 dan langkah-langkah bagi menangani masalah yang dihadapi oleh penjaja-penjaja di bandaraya itu.

Katanya pihak berkuasa baru-baru ini mengeluarkan 5,000 lesen baru bagi para penjaja sebagai sebahagian daripada usaha-usaha untuk membantu mereka dalam penghidupan mereka.

Beliau yang juga berkata bahawa tumpuan pakej itu adalah untuk menjana aktiviti-aktiviti ekonomi dan memastikan pengagihan faedah-faedah yang luas dan adil kepada sebahagian besar penduduk, termasuk bilangan kontraktor bumiputera yang meningkat dan mereka yang bergantung kepada bantuan kebajikan.

Dr Mahathir berkata kerajaan akan menggandakan kadar semasa bagi pembayaran kebajikan di bawah Kementerian Kebajikan dan Perbaduan Negara untuk membantu keluarga-keluarga miskin. Untuk itu kerajaan akan menanggung kos sebanyak RM80 juta setahun.

Terdapat juga peruntukan khas bagi menaik taraf tadika-tadika yang dikendalikan oleh Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS).

Tambahan RM300 juta akan diperuntukkan bagi menaik taraf dan kerja penyenggaraan bangunan-bangunan kerajaan, kuarters dan kemudahan-kemudahan, terutamanya sekolah, balai polis dan prasarana luar bandar.

Di samping itu, tambahan sebanyak RM300 juta adalah bagi membina makmal komputer di 2,000 buah sekolah.

Elaun bulanan RM500 secara sementara juga akan dibuat bagi 10,000 pemegang ijazah dan diploma untuk mempelajari IT, matematik dan bahasa-bahasa. Kerajaan akan membelanjakan tambahn RM150 juta hingga akhir tahun 2002.

Peruntukan RM150 juta adalah bagi melatih pekerja-pekerja yang ditamatkan. Pakej itu adalah termasuk meningkatkan syarat-syarat dan kemudahan kepada pembiayaan di bawah dana-dana khas sedia ada bagi syarikat-syarikat kecil dan sederhana (SKS).

Sejumlah RM110 juga telah diperuntukkan bagi melipat gandakan usaha-usaha untuk menggalakkan pelancongan. -- Lagi

Dr Mahathir berkata di samping langkah-langkah tersebut di atas berharga RM2.5 bilion, strategi-strategi lain di dalam pakej RM4.3 bilion itu akan diumumkan dalam Belanjawan 2002 pada 19 Oktober depan.

Katanya kerajaan juga telah mengambil langkah-langkah untuk mempertingkatkan kecekapan pelaksanaan projek dengan mempercepatkan pembayaran kepada kontraktor-kontraktor dan menghapuskan kerenah birokrasi.

Mesyuarat-mesyuarat mingguan akan diadakan antara pihak-pihak berkaitan dan pihak-pihak berkuasa kerajaan bagi mempertingkatkan sistem penyampaian kerajaan, katanya.

Dr Mahathir berkata dengan pelaksanaan pekej itu, kerajaan yakin bahawa keadaan lembap ke atas ekonomi Malaysia akan dikurangkan. --

Dr Mahathir berkata ekonomi dunia kelihatan telah berubah menjadi negatif berikutan peristiwa-peristiwa kebelakangan ini di AS.

Oleh itu, kelembapan ekonomi global kelihatan akan berlaku dan Malaysia, sebagai sebuah ekonomi terbuka, akan terpaksa menghadapi implikasinya.

Beliau berkata matlamat pakej rangsangan itu adakan untuk menjana aktiviti ekonomi dengan kesan-kesan sampingan.

Ia juga akan mempercepatkan pelaksanaan projek-projek kecil sedia ada dan baru dan peluang-peluang pendapatan bagi perusahaan-perusahaan kecil.

Ia juga akan menyerap implikasi bahagian-bahagian masyarakat yang miskin dan kurang bernasib baik.

Dr Mahathir berkata ia akan juga mengurangkan kesaan kelembapan dengan menggalakkan pekerja-pekerja ditamatkan dan siswazah menganggur menghadiri program latihan kemahiran dan membantu para majikan meningkatkan latihan pekerja-pekerja mereka yang mungkin ditamatkan.

Sementara itu, pengarah eksekutif Majlis Tindakan Ekonomi Negara Datuk Mustapa Mohamed berkata daripada RM1 bilion bagi projek-projek pembangunan kecil luar bandar dan kawasan bandaran terpilih itu, peruntukan khas bagi tadika-tadika KEMAS dan RM300 juta bagi kerja-kerja menaik taraf dan penyenggaraan bangunan-bangunan kerajaan akan dibelanjakan dalam masa tiga bulan.

Penggandaan kadar sekarang bagi pembayaran kebajikan di bawah Kementerian Kebajikan dan Perpaduan Negara yang menelan belanja RM80 juta, bagaimanapun berkuat kuasa serta merta.

Bagaimanapun, pembayaran untuk makmal-makmal komputer akan mengambil sedikit masa, katanya.

Mengenai elaun khas RM500 bagi melatih semula pekerja-pekerja ditamatkan, Mustapa berkata ia akan dilaksanakan dalam masa beberapa minggu akan datang. -- BERNAMA

SHO MR SHY OS